

# Kerajaan setuju kerangka tadbir urus pantau RMK-12

BH - 7/12/2021 K/S: 2

Inisiatif pastikan pelaksanaan projek, program beri manfaat kepada rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju dengan kerangka tadbir urus pemantauan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi memastikan pelaksanaan projek dan programnya memberi manfaat kepada rakyat.

Perkara itu diterima dan diputuskan pada Mesyuarat Jawa-

tankuasa Tertinggi Pemantauan RMK-12 kali pertama dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

Dalam satu kenyataannya, Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu diadakan bagi memastikan strategi dan inisiatif dilaksanakan mengikut perancangan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) itu.

“Kerajaan memandang serius usaha memastikan pelaksanaan projek dan juga program ini dapat memberi manfaat kepada rakyat.

“Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMK-12 yang dipengerusikan oleh saya dan disokong oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja.

“Jawatankuasa Tertinggi Pe-

mantauan RMK-12 ini akan bemesyuarat empat kali setahun bagi memantau pelaksanaan sembilan fokus utama dan sembilan pemacu terpilih dalam RMLT ini,” katanya.

Mesyuarat itu turut dihadiri anggota Jemaah Menteri, Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara, ketua-ketua setiausaha kementerian dan ketua-ketua jabatan.

Perdana Menteri berkata, bagi tujuan itu, Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMK-12 akan memantau secara khusus 20 perkara utama antaranya, prestasi pelaksanaan projek dan perbelanjaan pembangunan; membasmi kemiskinan tegar; menambah baik ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan transformasi perkhidmatan awam.

“Mesyuarat juga bersetuju menerima dan bersetuju dengan pendekatan baharu pembasmian kemiskinan tegar secara holistik yang akan diterajui bersama oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

“Program ini adalah berdasarkan pendekatan keseluruhan negara membabitkan pelaksanaan secara terancang yang merangkumi sektor awam, swasta, akademia serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan organisasi berasaskan komuniti (CBO),” katanya.

Ismail Sabri berkata, program berkenaan akan dilaksanakan secara bersasar berdasarkan keperluan lokaliti dan mengambil kira pelbagai dimensi termasuk aspek pendapatan, pendidikan dan kemahiran serta kesihatan.

“Sebanyak 50 lokaliti dipilih bagi pelaksanaan dalam fasa 1 bermula awal tahun 2022.

“Dalam memilih lokaliti itu tumpuan akan diberikan di negeri-negeri dengan kadar kemiskinan tegar tertinggi.

“Program ini akan dilaksanakan di bandar dan luar bandar tanpa mengira etnik.

“Mesyuarat bagi membincangkan agenda membasmi kemiskinan tegar ini akan diadakan dengan kerap.

“Ini bagi memastikan pelaksanaan program membasmi kemiskinan tegar berjalan dengan lebih berkesan,” katanya.

Tambahnya, mesyuarat semalam turut mengambil maklum Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (DE) Asas 2021, termasuk isu berkaitan serta keperluan kewangan pada tahun seterusnya.